



TEKS UCAPAN ALUAN

**DEKAN FAKULTI SYARIAH DAN UNDANG-UNDANG
UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA**

ASSOC. PROF. DR. ARIF FAHMI MD YUSOF

SEMINAR ANTARABANGSA SYARIAH DAN UNDANG-UNDANG (INSLA) 2018

Bismillahirrahmanirrahim Assalamualaikum wa Rahmatullahi wa Barakatuh

1. Terlebih dahulu marilah kita merafakkan kesyukuran ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurniaNya serta inayahNya dapat kita bersama-sama berkumpul dalam Majlis Perasmian ini bersempena dengan **Seminar Antarabangsa Syariah dan Undang-undang (INSLA) 2018**.
2. Saya dengan berbesar hati mengalu-alukan kehadiran Yang Berbahagia Profesor Dr. Abdul Rahim Abdul Rahman Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) USIM kerana sudi meluangkan masa bagi menyempurnakan lagi majlis pada hari ini. Saya juga ingin mengalu-alukan kehadiran para pembentang utama, para jemputan, pembentang dan peserta serta tuan-tuan dan puan-puan ke Seminar Antarabangsa Syariah dan Undang-undang (INSLA) 2018 yang dianjurkan oleh Fakulti Syariah dan Undang-undang USIM. Kehadiran Yang Berbahagia Prof, Yang Arif Dato', tuan-tuan dan puan-puan pada hari ini mencerminkan kesungguhan dan iltizam yang tinggi untuk sama-sama kita berkongsi pandangan dan mencari titik penyelesaian terhadap isu-isu keamanan yang berlaku di serata dunia sekarang ini. Saya berharap agar pertemuan kita pada hari ini dapat memberi manfaat bukan kepada kita sahaja malah dapat dimanfaat oleh ummah.
3. Yang Berbahagia Prof, tuan-tuan dan puan-puan yang dirahmati Allah sekalian, pengajuran INSLA pada kali ini mengangkat "*Syariah dan Undang-Undang Sebagai*

Wasilah Keamanan Sejagat" sebagai tema seminar antarabangsa pada kali ini berikutan timbulnya isu-isu keamanan seperti isu masyarakat Rohingya ditindas dan dinafikan hak yang dilihat tidak berkesudahan. Justeru, isu-isu sebegini seharusnya dilihat dari aspek perundangan yang memainkan peranan penting bagi memastikan keamanan terus dipelihara dan dinikmati oleh semua manusia.

Hadirin dan Hadirat Sekalian,

4. Penganjuran INSLA 2018 adalah signifikan bagi menyediakan platform yang bersesuaian di mana para sarjana dapat bertukar-tukar pandangan dalam bidang syariah dan undang-undang. Oleh kerana kedua-dua sistem perundangan berbeza antara satu sama lain, adalah sesuatu yang amat penting bagi memahami kepelbagaiannya yang wujud antara mereka dan untuk mencadangkan penyelesian yang berkemungkinan dalam usaha mepertingkatkan perkaitan dan hubungan antara kedua-duanya. Segala input dan topik perbincangan dapat dimanfaatkan untuk perhatian selanjutnya oleh semua pihak yang terlibat dalam bidang berkenaan samada dari peringkat pentadbir, penggubal undang-undang dan polisi, ahli akademik dan sesiapa sahaja dalam usaha memahamai peranan Syariah dan undang-undang secara global.

5. Selain itu, penganjuran seminar antarabangsa ini juga secara tidak langsung akan menaikkan nama Malaysia sebagai negara yang mempunyai sistem perundangan yang unik. Ini sudah pasti menguntungkan negara yang amat memerlukan sokongan dan pengiktirafan yang jitu daripada pelbagai pihak dalam usaha menjadikan Malaysia sebagai negara Islam contoh dan pusat kecemerlangan akademik dan penyelidikan di rantau ini.

6. Pihak fakulti mengucapkan takziah dan turut berdukacita dengan ujian yang dilalui oleh sahabat kita di Lombok dan Palu, Indonesia. Buat pengetahuan semua, INSLA 2018 telah dijadualkan dan dirancang untuk diadakan di Lombok pada tarikh 5 November yang lalu.

Namun, setelah dibuat bincian, sebahagian besar peserta memilih untuk menukar tempat persidangan ke Malaysia. Walaubagaimanapun, pihak fakulti dan USIM telah menggerakkan misi bantuan kemanusiaan pada tarikh tersebut ke Lombok bagi membantu sedikit sebanyak rakan dan sahabat kita di sana.

7. Hadirin sekalian, INSLA2018 kali ini juga telah mencipta sejarah dengan disertai oleh para peserta dari 12 buah negara antaranya Jordan, Algeria, India, Bangladesh, Pakistan, Brunei, Indonesia, Arab Saudi, Oman, Singapura dan juga Malaysia. Seramai 84 pembentangan telah dijadualkan dan tiga ucaptama dari pengucaptama yang hebat akan dipersembahkan. Adalah diharapkan agar satu resolusi akan dapat dikeluarkan pada akhir seminar ini dan akan menyumbang kepada keamanan sangat selaras dengan tema, Syariah and Laws as Catalyst to the Global Peace.

Sebelum saya mengakhiri ucapan aluan ini, sekali lagi saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi kepada Yang Berbahagia Profesor Dr. Abdul Rahim Abdul Rahman atas kesudian merasmikan seminar pada pagi ini. Pada peluang ini juga saya ingin merakamkan penghargaan kepada para pembentang utama, para pembentang, para peserta, para hadirin dan mereka yang terlibat dalam menjayakan seminar ini. Mudah-mudahan segala yang kita lakukan dalam seminar ini peroleh rahmat Ilahi.

Sekian, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.